



## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

---

### **KERJASAMA STRATEGIK KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI DIPERKUKUH MELALUI MESYUARAT MEXCO-STI**

---

**PULAU PINANG, 7 MEI 2026** – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengadakan Mesyuarat Menteri-Menteri dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Yang Bertanggungjawab Mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi (MEXCO-STI) yang pertama bagi tahun ini pada hari ini di Pulau Pinang. MOSTI merakamkan ucapan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas kesudian menjadi tuan rumah bagi mesyuarat pada kali ini. Ahli MEXCO-STI turut mengadakan lawatan kerja ke Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (IPharm), sebuah agensi di bawah MOSTI.

Mesyuarat MEXCO-STI menjadi platform penting untuk berbincang dan berkongsi hala tuju serta perkembangan STI melalui kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. MOSTI juga telah dan akan mengadakan kunjungan hormat dan sesi libat urus dengan semua Ahli MEXCO STI untuk berkongsi bidang fokus MOSTI bagi tahun 2026, mengenal pasti bidang STI berpotensi di peringkat negeri selaras dengan dapatan laporan Indeks Inovasi Malaysia (MII). Sesi pertemuan tersebut turut memberi penekanan kepada pengukuhkan kepentingan STI dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) sebagai tunjang utama mencapai aspirasi Ekonomi MADANI.

Menurut YB Datuk Chang Lih Kang, perkembangan konflik geopolitik semasa membuktikan bahawa keupayaan sesebuah negara tidak lagi boleh hanya bergantung kepada kekuatan ekonomi semata-mata, sebaliknya turut bergantung kepada tahap penguasaan teknologi, inovasi dan daya tahan rantai bekalan strategik negara. Beliau menegaskan bahawa Malaysia perlu terus memperkukuh kedaulatan teknologi serta membangunkan bakat dan kapasiti inovasi tempatan bagi memastikan negara lebih bersedia mendepani ketidaktentuan global pada masa hadapan.

Tambah beliau, platform seperti MEXCO-STI memainkan peranan penting dalam menyelaras kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk memperkukuh ekosistem STI secara menyeluruh di setiap negeri. Melalui kerjasama pelbagai pihak, setiap negeri berpeluang membangunkan kekuatan dan keupayaan inovasi masing-masing, sekali gus menyokong aspirasi negara untuk menjadi pencipta teknologi dan bukan sekadar pengguna teknologi.

Mesyuarat MEXCO STI juga telah mempertimbang dan mengambil maklum penyearluasan teknologi yang dibangunkan MIMOS di peringkat negeri, penglibatan syarikat pemula di negeri-negeri melalui pelaksanaan Tetingkap Tunggal MyStartup oleh Cradle, peranan Jabatan Atom Malaysia dan Jabatan Kimia Malaysia di negeri-negeri serta program kerjasama di antara MIGHT dengan beberapa negeri dalam pengaplikasian teknologi. Turut dikongsikan adalah maklumat berkaitan pembudayaan sains yang akan dilaksanakan MOSTI sepanjang tahun 2026 di seluruh negara.

**#TAMAT#**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**7 MEI 2026**

